PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENCEGAHAN COVID-19 BAGI PELAKSANAAN PILIHAN RAYA UMUM (PRU) DEWAN NEGERI JOHOR KE-15

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - SEPANJANG TEMPOH PILIHAN RAYA

Waktu Berkuat Kuasa	Sepanjang tempoh Pilihan Raya	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Sepanjang tempoh Pilihan Raya	Pergerakan	Bersyarat

Merangkumi

- Semua proses pelaksanaan pilihan raya, iaitu
  - i. Taklimat Petugas Pilihan Raya
  - ii. Penamaan Calon
  - iii. Proses Cetakan dan Semakan Kertas Undi
  - iv. Proses Pengeluaran, Penerimaan dan Pengiraan Undi Pos
  - v. Hari Semakan Isi Peti Undi
  - vi. Tempoh Berkempen
  - vii. Hari Mengundi Awal/ Hari Mengundi
  - viii. Penjumlahan Rasmi Undi

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Rujuk kepada perkara yang tidak dibenarkan bagi setiap proses pilihan raya

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Pembersihan dan disinfeksi premis	• **Semua premis** yang telah dikenal pasti digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya hendaklah **dilakukan disinfeksi sebelum dan sebaik sahaja selepas selesai** digunakan berdasarkan garis panduan KKM. • **Proses pembersihan** juga hendaklah dilaksanakan **setiap 2 jam** di semua premis yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya. • **Khemah/bilik/ruang khas** hendaklah **dilakukan disinfeksi** berdasarkan garis panduan KKM **sebaik sahaja selepas setiap pengundi bergejala, pengundi positif COVID-19, PUI dan PUS selesai mengundi.**
Kawalan kehadiran	• **Kehadiran di setiap premis** yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya adalah **tertakluk kepada Arahan Tetap yang berkuatkuasa** yang mana **tidak menjejaskan pelaksanaan proses pilihan raya.** • **Kod QR MySejahtera/Buku Pendaftaran Kehadiran** (nama, nombor telefon dan masa) **WAJIB disediakan** di setiap premis yang digunakan bagi tujuan pilihan raya. Setiap individu yang hadir ke premis-premis ini hendaklah **mengimbas Kod QR MySejahtera** serta mengemaskini status kesihatan dalam aplikasi MySejahtera **atau** mencatat kehadiran di dalam buku yang disediakan (nama, nombor telefon dan masa). • Menempatkan petugas untuk **menyemak status risiko dan gejala bagi setiap individu yang hadir ke premis tersebut. Hanya individu berstatus "*Low risk*" atau "*Casual contact*" sahaja dibenarkan masuk.** • **Individu positif COVID-19 TIDAK DIBENARKAN** hadir ke mana-mana premis yang digunakan untuk aktiviti berkaitan pilihan raya.

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - SEPANJANG TEMPOH PILIHAN RAYA

Merangkumi

- Semua proses pelaksanaan pilihan raya, iaitu
  i. Taklimat Petugas Pilihan Raya
  ii. Penamaan Calon
  iii. Proses Cetakan dan Semakan Kertas Undi
  iv. Proses Pengeluaran, Penerimaan dan Pengiraan Undi Pos
  v. Hari Semakan Isi Peti Undi
  vi. Tempoh Berkempen
  vii. Hari Mengundi Awal/ Hari Mengundi
  viii. Penjumlahan Rasmi Undi

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Rujuk kepada perkara yang tidak dibenarkan bagi setiap proses pilihan raya

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat Kuasa	Sepanjang tempoh Pilihan Raya	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Sepanjang tempoh Pilihan Raya	Pergerakan	Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Saringan gejala	• **Semua individu yang hadir** di premis-premis yang digunakan bagi tujuan pilihan raya hendaklah **melalui saringan gejala di pintu masuk utama** sebelum dibenarkan untuk masuk ke dalam premis. • Individu yang **bergejala** seperti demam, **batuk, sakit tekak atau susah bernafas TIDAK DIBENARKAN** masuk ke premis dan hendaklah **meninggalkan premis dengan segera**. Namun begitu, **pengecualian** untuk masuk ke premis yang digunakan untuk aktiviti pilihan raya diberikan kepada: i. calon, pencadang dan penyokong semasa Hari Penamaan Calon, ii. pengundi pada hari mengundi awal/hari mengundi dan iii. Ketua Tempat Mengundi (KTM) pada hari penjumlahan rasmi undi. (Rujuk SOP pengurusan individu bergejala bagi Hari Penamaan Calon, Hari Mengundi Awal/ Hari Mengundi dan penjumlahan rasmi undi).

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - SEPANJANG TEMPOH PILIHAN RAYA

Merangkumi

- Semua proses pelaksanaan pilihan raya, iaitu
  - i. Taklimat Petugas Pilihan Raya
  - ii. Penamaan Calon
  - iii. Proses Cetakan dan Semakan Kertas Undi
  - iv. Proses Pengeluaran, Penerimaan dan Pengiraan Undi Pos
  - v. Hari Semakan Isi Peti Undi
  - vi. Tempoh Berkempen
  - vii. Hari Mengundi Awal/ Hari Mengundi
  - viii. Penjumlahan Rasmi Undi

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Rujuk kepada perkara yang tidak dibenarkan bagi setiap proses pilihan raya

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat Kuasa	Sepanjang tempoh Pilihan Raya	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Sepanjang tempoh Pilihan Raya	Pergerakan	Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Penjarakan fizikal di premis	• **Susun atur meja** di setiap premis yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya perlu disusun dengan **jarak antara meja adalah 2 meter antara meja dan jarak antara individu sekurang-kurangnya 1 meter.** • **Semua aktiviti yang dilakukan di premis-premis tersebut hendaklah mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.** • Semua yang hadir di premis pilihan raya **TIDAK DIBENARKAN bersentuhan atau bersalaman** dengan mana-mana individu.
Penggunaan *hand sanitizer* dan sabun tangan	• Semua yang hadir ke premis yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya hendaklah **menggunakan *hand sanitizer* sebelum masuk ke premis** dan selepas selesai urusan, iaitu **sebelum keluar dari premis** tersebut. • Sanitasi tangan atau membasuh tangan dengan sabun hendaklah dilakukan dengan lebih kerap sekiranya terdapat sentuhan dengan peralatan yang diguna sama.
Penggunaan *face mask*	• Semua individu yang hadir di premis-premis yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya **DIWAJIBKAN** memakai pelitup muka (*face mask*) sepanjang masa.
Penyediaan RTK Antigen	• Pihak SPR perlu membekalkan RTK Antigen kendiri (saliva) di setiap pusat mengundi bagi tujuan saringan petugas dan pengundi bergejala semasa hari mengundi.

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - SEPANJANG TEMPOH PILIHAN RAYA

Merangkumi

- Semua proses pelaksanaan pilihan raya, iaitu
  - i. Taklimat Petugas Pilihan Raya
  - ii. Penamaan Calon
  - iii. Proses Cetakan dan Semakan Kertas Undi
  - iv. Proses Pengeluaran, Penerimaan dan Pengiraan Undi Pos
  - v. Hari Semakan Isi Peti Undi
  - vi. Tempoh Berkempen
  - vii. Hari Mengundi Awal/ Hari Mengundi
  - viii. Penjumlahan Rasmi Undi

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Rujuk kepada perkara yang tidak dibenarkan bagi setiap proses pilihan raya

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat Kuasa	Sepanjang tempoh Pilihan Raya	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Sepanjang tempoh Pilihan Raya	Pergerakan	Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Kenderaan yang digunakan	**DISINFEKSI KENDERAAN** • Kenderaan yang digunakan **(kenderaan persendirian/kenderaan jabatan)** dalam pelaksanaan pilihan raya **TIDAK PERLU** dilakukan disinfeksi. • Walau bagaimanapun, **kenderaan komersial atau yang disewa** untuk kegunaan pilihan raya **hendaklah dilakukan disinfeksi** mengikut garis panduan KKM **sebelum pertama kali digunakan** dan **selepas selesai digunakan sepenuhnya**. • Disinfeksi kenderaan hendaklah dilakukan sekiranya terdapat mana-mana penumpang/pemandu bagi mana-mana kenderaan didapati positif COVID-19. **PENJARAKAN FIZIKAL** • Kapasiti bilangan penumpang kenderaan yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya oleh petugas pilihan raya/pegawai SPR atau bagi tujuan berkempen oleh calon/parti politik adalah **tertakluk kepada Arahan Tetap yang sedang berkuat kuasa.** • ***Face mask* perlu sentiasa dipakai ketika berada di dalam kenderaan yang dinaiki lebih dari satu orang.** • **Arahan/peraturan/ketetapan LAIN berkenaan penggunaan kenderaan adalah tertakluk kepada Arahan Tetap yang sedang berkuat kuasa.**

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - SEPANJANG TEMPOH PILIHAN RAYA

Merangkumi

- Semua proses pelaksanaan pilihan raya, iaitu
  - i. Taklimat Petugas Pilihan Raya
  - ii. Penamaan Calon
  - iii. Proses Cetakan dan Semakan Kertas Undi
  - iv. Proses Pengeluaran, Penerimaan dan Pengiraan Undi Pos
  - v. Hari Semakan Isi Peti Undi
  - vi. Tempoh Berkempen
  - vii. Hari Mengundi Awal/ Hari Mengundi
  - viii. Penjumlahan Rasmi Undi

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Rujuk kepada perkara yang tidak dibenarkan bagi setiap proses pilihan raya

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat Kuasa	Sepanjang Pilihan Raya	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Sepanjang Pilihan Raya	Pergerakan	Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Jamuan	• Penyediaan makanan adalah **tertakluk kepada Arahan Tetap yang berkuat kuasa.**
Surau/ruang solat	• Penggunaan surau/ruang solat adalah **tertakluk kepada SOP/kebenaran/keputusan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama Islam negeri masing-masing.**
Mesyuarat Parti	• Mesyuarat parti dibenarkan bagi **HANYA** individu yang **telah lengkap menerima vaksin** tertakluk kepada **50% kapasiti** ruang dengan **penjarakan fizikal**. • Individu yang bergejala atau positif COVID-19 atau kontak rapat kepada kes positif **TIDAK DIBENARKAN** hadir Mesyuarat Parti. • Kekerapan Mesyuarat Parti hanya dibenarkan tidak melebihi 4 kali dalam seminggu dan setiap kali mesyuarat tidak lebih dari tempoh 2 jam. • Semua individu yang hadir mesyuarat diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan menjaga penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. Aktiviti bersalaman dan apa juga bentuk aktiviti bersentuhan adalah **DILARANG**. • Mesyuarat Parti juga bermaksud aktiviti mesyuarat dengan susun atur tempat untuk bermesyuarat dan bukannya untuk sesi taklimat atau ceramah atau apa juga bentuk kempen fizikal yang dilarang.
Sidang Media	• Sidang media selepas mesyuarat parti dibenarkan dengan penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka. • Kehadiran individu yang terlibat dengan Sidang Media terhad bagi individu yang hadir semasa mesyuarat sahaja dan wartawan. **Hanya mereka yang telah lengkap menerima vaksin dibenarkan hadir ke Sidang Media.** • Individu yang bergejala atau positif COVID-19 atau kontak rapat kepada kes positif **TIDAK DIBENARKAN** hadir Sidang Media.

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - TAKLIMAT PETUGAS PILIHAN RAYA

Merangkumi

- Semua taklimat dan latihan yang akan diberikan kepada petugas-petugas pilihan raya yang telah dilantik oleh Pegawai Pengurus bagi melaksanakan pilihan raya

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Aktiviti yang dilarang seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat Kuasa	Pada Hari Taklimat Petugas Pilihan Raya	Waktu Aktiviti Dibenarkan	9.00 pagi – 6.00 petang	Pergerakan	Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Taklimat Secara Bersemuka	• Taklimat petugas pilihan raya **secara bersemuka** dilaksanakan **tertakluk kepada Arahan Tetap yang sedang berkuat kuasa.** • **Kaunter pendaftaran peserta hendaklah disediakan untuk menyemak perkara-perkara berikut di pintu masuk:** i. Petugas adalah **bukan** kes COVID-19, kontak rapat atau PUS. ii. Perlu melakukan ujian RTK Ag kendiri **(bagi yang bergejala atau tidak menerima vaksin lengkap)** dengan kos ditanggung sendiri. **Hanya yang negatif dibenarkan hadir taklimat.** iii. Saringan gejala seperti demam, batuk, sakit tekak atau susah bernafas . iv. Mengimbas QR kod semasa ketibaan. v. Menyediakan petugas kaunter untuk menyemak status risiko dalam MySejahtera. Sekiranya peserta taklimat **berisiko tinggi**, mereka **TIDAK DIBENARKAN** menghadiri taklimat tersebut. vi. Maksima kehadiran hanya 50% kapasiti ruang taklimat. Mengadakan taklimat secara berperingkat sekiranya diperlukan bagi mengelakkan perhimpunan beramai-ramai. vii. Memakai pelitup muka dan mematuhi penjarakan fizikal sepanjang tempoh taklimat berlangsung • Sekiranya petugas **bergejala ketika taklimat berlangsung**, mereka dikehendaki **SEGERA** meninggalkan taklimat tersebut dan mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran. Mereka boleh mengikuti taklimat secara *online*. • Pastikan pengudaraan fasiliti taklimat mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).
Taklimat Berkenaan COVID-19	• **Taklimat berkenaan COVID-19** disampaikan oleh pegawai KKM kepada semua petugas pilihan raya **secara bersemuka atau secara atas talian (*online*), tertakluk kepada Arahan Tetap yang sedang berkuat kuasa.**
Individu yang bergejala	• Petugas yang bergejala, positif COVID-19 atau kontak rapat **TIDAK DIBENARKAN** hadir taklimat • Sekiranya petugas dikesan bergejala semasa taklimat dijalankan, individu dikehendaki membuat pemeriksaan dan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran. Individu ini disarankan mengikuti taklimat secara *online*.

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - HARI SEMAKAN ISI PETI UNDI

Merangkumi

- Semua aktiviti semakan isi peti undi sehari sebelum hari mengundi dan sesi persediaan pusat mengundi dan tempat mengundi (saluran)

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Aktiviti yang dilarang seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat Kuasa	Hari Semakan Isi Peti Undi	Waktu Aktiviti Dibenarkan	8.00 pagi – Sehingga tamat sesi semakan	Pergerakan	Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Kawalan kehadiran	Sesi **semakan isi peti undi dilaksanakan beberapa sesi dengan maksimum kehadiran bagi setiap sesi adalah mengikut kesesuaian kapasiti ruang/tempat dengan penjarakan fizikal.** • Bilangan laluan masuk ke pusat semakan isi peti undi perlu dihadkan bagi tujuan kawalan (laluan calon/ejen pilihan raya dan laluan Ahli/pegawai SPR/petugas pilihan raya). • **Tiada petugas media** dibenarkan hadir semasa Hari Semakan Isi Peti Undi. • Hanya **dua (2) orang petugas pilihan raya bagi setiap tempat mengundi (saluran) dibenarkan hadir** ke sesi semakan untuk menyemak isi peti undi.
Individu bergejala	• Individu yang bergejala, positif COVID-19 atau kontak rapat **tidak dibenarkan** hadir. • Sekiranya dikesan bergejala semasa hari semakan peti undi, individu perlu **diasing dan ditempatkan** di **khemah/bilik/ruang khas** dengan serta-merta. • Individu perlu menjalani **ujian saliva kendiri,** sekiranya individu tersebut **negatif COVID-19**, beliau **dibenarkan untuk masuk ke dewan/tempat semakan isi peti undi dengan memakai pelitup muka berganda dan memastikan mematuhi SOP**. Sekiranya beliau **positif COVID-19**, beliau perlu **meninggalkan premis serta-merta.**

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - HARI PENAMAAN CALON

Waktu Berkuat Kuasa	Hari Penamaan Calon	Waktu Aktiviti Dibenarkan	7.00 pagi – Sehingga tamat proses penamaan calon	Pergerakan	Bersyarat

Merangkumi

- Semua urusan sebelum, semasa dan selepas hari penamaan calon

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- **Perhimpunan atau perarakan** oleh mana-mana pihak di mana-mana lokasi sebelum, semasa dan selepas hari penamaan calon termasuk penyokong-penyokong parti politik

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Kawalan kehadiran	• Bilangan laluan masuk ke PPC perlu dihadkan bagi tujuan kawalan (laluan media, laluan calon/ pencadang/penyokong dan laluan Ahli/pegawai SPR/petugas pilihan raya). • Kawalan kehadiran adalah seperti berikut: i. Jumlah **maksimum** kehadiran di dalam dewan PPC adalah **tertakluk kepada saiz dewan PPC dan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter**; ii. Calon yang sedang menjalani kuarantin sama ada **KES POSITIF ATAU KONTAK RAPAT TIDAK DIBENARKAN untuk hadir** ke Pusat Penamaan Calon (PPC) dan diwakilkan kepada penyokong atau pencadang parti. iii. Kehadiran Ahli/Pegawai SPR, PDRM, petugas pilihan raya, dan petugas media perlu dalam bilangan yang **minima.** iv. Wakil parti/penyokong parti **TIDAK DIBENARKAN** hadir ke PPC**.** Aktiviti **berkumpul dan perarakan** oleh penyokong parti juga **TIDAK DIBENARKAN** di mana-mana tempat sepanjang Hari Penamaan Calon.

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - HARI PENAMAAN CALON

Waktu Berkuat Kuasa	Hari Penamaan Calon	Waktu Aktiviti Dibenarkan	7.00 pagi – Sehingga tamat proses penamaan calon	Pergerakan	Bersyarat

Merangkumi

- Semua urusan sebelum, semasa dan selepas hari penamaan calon

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- **Perhimpunan atau perarakan** oleh mana-mana pihak di mana-mana lokasi sebelum, semasa dan selepas hari penamaan calon termasuk penyokong-penyokong parti politik

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Calon atau pencadang atau penyokong calon yang bergejala	• Calon atau pencadang atau penyokong yang **mempunyai gejala** perlu **diasing dan ditempatkan** di **khemah/bilik/ruang khas** dengan serta-merta. Sekiranya calon, pencadang atau penyokong hadir bersama-sama (bersekali), ketiga-tiganya perlu ke khemah/bilik/ruang khas walaupun hanya salah seorang yang didapati bergejala. • Petugas pilihan raya perlu ditempatkan di khemah/bilik/ruang khas bagi urusan penerimaan dokumen penamaan calon manakala kakitangan dari KKM perlu ditempatkan bagi tujuan khidmat bantuan perubatan dan kawalan infeksi untuk kes individu bergejala. • Petugas yang terlibat mengendalikan individu bergejala hendaklah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan serta **memakai PPE (pelitup muka, apron, pelindung muka dan sarung tangan)** sepanjang mengendalikan individu berkenaan. • Petugas pilihan raya **mengambil gambar dokumen penamaan calon** dan kemudiannya dihantar kepada petugas di dalam dewan PPC untuk tindakan seterusnya bagi meneruskan proses penamaan calon. • Selepas selesai urusan penyerahan dokumen penamaan calon, individu bergejala tersebut perlu melalui **ujian kendiri RTK Antigen saliva** yang dijalankan di khemah/bilik/ruang khas yang dibantu dan dipantau oleh Petugas Kesihatan KKM. • Jika keputusan ujian kendiri RTK Antigen saliva bagi calon atau pencadang atau penyokong didapati **negatif COVID-19, dibenarkan untuk masuk ke Dewan PPC dengan memakai pelitup muka berganda dan memastikan mematuhi SOP.** Manakala mereka yang didapati **positif COVID-19 TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dalam Dewan PPC dan perlu menunggu arahan dari Petugas Kesihatan KKM di khemah khas tersebut untuk tindakan selanjutnya.

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - TEMPOH BERKEMPEN

Merangkumi

- Semua aktiviti sepanjang tempoh berkempen

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Rujuk semua aktiviti yang tidak dibenarkan semasa tempoh berkempen termasuk Aktiviti Terlarang dibawah Jadual Peraturan PKP yang berkuat kuasa

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat Kuasa	Sepanjang Tempoh Berkempen	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Sepanjang tempoh berkempen sehingga Hari Mengundi	Pergerakan	Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Ceramah/Syarahan/ Kempen	• Sepanjang tempoh pilihan raya, penganjuran ceramah/syarahan/kempen secara fizikal adalah **DIBENARKAN**. • Ceramah/syarahan/kempen hanya **dibenarkan diadakan di pejabat parti dan bilik gerakan parti yang rasmi**. • **Jumlah kehadiran ceramah/syarahan/kempen tidak boleh melebihi 100 orang**, termasuk penganjur, urusetia, penceramah dan peserta dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter di antara satu sama lain dan memakai pelitup muka. • Hanya individu yang telah lengkap vaksinasi COVID-19 sahaja dibenarkan hadir. • Penganjur perlu menyediakan kaunter saringan kesihatan untuk menyemak bilangan kehadiran, status vaksinasi, saringan gejala seperti batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas. Peserta bergejala **TIDAK DIBENARKAN** masuk. Semua yang hadir perlu mengimbas QR Kod MySejahtera atau mencatat kehadiran di dalam buku yang disediakan (nama, nombor telefon, gejala dan masa). • Mewajibkan semua urus setia, penceramah dan peserta untuk sentiasa memakai pelitup muka (*facemask*). • Mengawal pintu masuk dan kehadiran peserta ke dalam pejabat parti atau bilik gerakan parti dengan hanya memastikan satu laluan untuk masuk dan satu laluan untuk keluar. • Menyusun dan menanda kedudukan peserta di dalam ruang pejabat parti atau bilik gerakan parti yang digunakan untuk ceramah itu dengan memastikan penjarakan fizikal 1 meter antara susunan tempat duduk.

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - TEMPOH BERKEMPEN

Merangkumi

- Semua aktiviti sepanjang tempoh berkempen

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Rujuk semua aktiviti yang tidak dibenarkan semasa tempoh berkempen termasuk Aktiviti Terlarang dibawah Jadual Peraturan PKP yang berkuat kuasa

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat Kuasa	Sepanjang Tempoh Berkempen	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Sepanjang tempoh berkempen sehingga Hari Mengundi	Pergerakan	Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Ceramah/syarahan/ kempen	• Penganjur perlu mendapatkan **PERMIT** dari pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebelum ceramah/syarahan/kempen diadakan. • Tarikh, masa dan tempat ceramah/syarahan/kempen hendaklah dinyatakan dalam permit untuk memudahkan pihak polis membuat pemantauan. - Tempoh setiap sesi ceramah/syarahan/kempen **HANYA DIBENARKAN** selama **DUA (2) jam dan tidak melebihi jam 10.00 malam.** - Ceramah/syarahan di premis yang terbuka atau tempat umum adalah **TIDAK DIBENARKAN**. - Sebarang bentuk hiburan semasa berkempen **TIDAK DIBENARKAN**. - Makanan yang disediakan hendaklah dalam bentuk ***"PACK FOOD".***

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - TEMPOH BERKEMPEN

Waktu Berkuat Kuasa	Sepanjang Tempoh Berkempen	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Sepanjang tempoh berkempen sehingga Hari Mengundi	Pergerakan	Bersyarat

Merangkumi

- Semua aktiviti sepanjang tempoh berkempen

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Rujuk semua aktiviti yang tidak dibenarkan semasa tempoh berkempen termasuk Aktiviti Terlarang dibawah Jadual Peraturan PKP yang berkuat kuasa

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Kempen ziarah rumah ke rumah	• Kempen ziarah rumah ke rumah **DIBENARKAN** sepanjang tempoh pilihan raya dengan disertai oleh tidak melebihi **lima (5) orang**. Namun perlu mematuhi **penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter** di antara satu sama lain dan **pemakaian pelitup muka.** • **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dalam rumah untuk berkempen atau berjumpa dengan ahli rumah. Sebarang aktiviti mengedarkan risalah atau pamphlet hendaklah dibuat di luar pagar dengan sentiasa memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. • Individu yang sedang menjalani kuarantin sama ada **KES POSITIF ATAU KONTAK RAPAT SERTA YANG BERGEJALA adalah TIDAK DIBENARKAN untuk turut serta kempen ziarah.**
Walkabout	• **Aktiviti** secara *walkabout* sepanjang tempoh pilihan raya adalah **DIBENARKAN**. Namun perlu mematuhi **penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter** di antara satu sama lain dan **pemakaian pelitup muka.** • *Walkabout* hanya boleh disertai oleh **lima (5) orang** peserta atau kurang. • Individu yang sedang menjalani kuarantin sama ada **KES POSITIF ATAU KONTAK RAPAT SERTA YANG BERGEJALA adalah TIDAK DIBENARKAN untuk turut serta *Walkabout*.**
Pemasangan *Bunting/ Banner* dan Pengedaran *Pamphlet*	• Calon dan/atau jentera pilihanraya **DIBENARKAN** untuk memasang *banner* dan *bunting* di dalam kawasan pilihan raya. • Calon dan/atau jentera pilihanraya juga **DIBENARKAN** untuk mengedarkan *pamphlet* bagi tujuan berkempen di peti-peti surat penduduk sekitar dengan **mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter serta memakai pelitup muka. Dihadkan tidak lebih dari 3 orang untuk aktiviti pengedaran pamphlet.** • Pengedaran *pamphlet* kepada orang awam secara bersemuka adalah **TIDAK DIBENARKAN** sepanjang tempoh pilihan raya.

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - TEMPOH BERKEMPEN

Waktu Berkuat Kuasa	Sepanjang Tempoh Berkempen	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Sepanjang tempoh berkempen sehingga Hari Mengundi	Pergerakan	Bersyarat

Merangkumi

- Semua aktiviti sepanjang tempoh berkempen

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Rujuk semua aktiviti yang tidak dibenarkan semasa tempoh berkempen termasuk Aktiviti Terlarang dibawah Jadual Peraturan PKP yang berkuat kuasa

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Kempen Menggunakan Media Massa dan Media Cetak.	• Calon digalakkan menggunakan aplikasi sosial seperti ***Facebook, Twitter, Instagram, Youtube, Wechat, Snapchat, Whatsapp, Telegram*** **dan lain-lain** aplikasi sebagai alat untuk menyampaikan kempen. • Calon juga digalakkan menggunakan rangkaian **televisyen** untuk menyampaikan kempen. • Calon juga digalakkan menggunakan **akhbar tempatan** untuk mempromosikan kempen. • Calon perlu mengaplikasikan penggunaan teknologi di dalam tempoh kempen selaras “Norma Baharu” yang perlu diamalkan rentetan pandemik COVID-19. • Calon-calon yang bertanding masih tertakluk kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5) semasa berkempen dan sebarang bentuk kempen melalui media massa pada Hari Mengundi adalah **TIDAK DIBENARKAN.**
Kempen Melalui Pembesar Suara.	• Calon **DIBENARKAN** untuk berkempen melalui **kenderaan yang dipasang dengan alat pembesar suara** pada waktu yang ditetapkan dalam permit. • Calon **perlu mendapatkan permit dari pihak polis.** • **Tempoh masa dan lokasi** untuk berkempen adalah **tertakluk kepada permit yang diluluskan** oleh pihak polis. • Kenderaan yang dipasang dengan alat pembesar suara **TIDAK DIBENARKAN** berhenti di sepanjang laluan dalam menyampaikan ceramah. • Kenderaan yang digunakan untuk berkempen melalui pembesar suara ini juga masih **tertakluk kepada garis panduan/akta/peraturan pengangkutan jalan yang sedang berkuatkuasa**. • Calon-calon yang bertanding masih tertakluk kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5).

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - TEMPOH BERKEMPEN

Merangkumi

- Semua aktiviti sepanjang tempoh berkempen

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Rujuk semua aktiviti yang tidak dibenarkan semasa tempoh berkempen termasuk Aktiviti Terlarang dibawah Jadual Peraturan PKP yang berkuat kuasa

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat Kuasa	Sepanjang Tempoh Berkempen	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Sepanjang tempoh berkempen sehingga Hari Mengundi	Pergerakan	Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Bilik jawatankuasa (bilik gerakan parti)	• Hanya **SATU** bilik jawatankuasa (bilik gerakan parti) dibenarkan untuk beroperasi dalam **satu (1) Daerah Mengundi** bagi setiap calon sepanjang tempoh berkempen. • Had kapasiti Bilik Jawatankuasa (Bilik Gerakan Parti) adalah 50% daripada kapasiti ruang dan penjarakan fizikal. • **Bilik Gerakan Kecil TIDAK DIBENARKAN** untuk beroperasi sepanjang pilihan raya.
Jentera pilihan raya bagi parti-parti politik/calon-calon pilihan raya	• Semua yang terlibat dikehendaki menjalani ujian RTK Antigen kendiri setiap dua (2) hari sepanjang kempen pilihan raya berlangsung, dengan kos ditanggung sendiri. • Setiap keputusan ujian RTK Antigen kendiri (positif atau negatif) perlu dimuat naik dalam aplikasi MySejahtera. Hanya yang mempunyai keputusan negatif **DIBENARKAN** terlibat dalam aktiviti sepanjang kempen pilihan raya. Bagi individu dengan keputusan positif, **TIDAK DIBENARKAN** terlibat dalam mana-mana aktiviti kempen pilihan raya dan mengikuti garis panduan sedia ada.

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - HARI MENGUNDI AWAL / HARI MENGUNDI

Waktu Berkuat Kuasa	Sepanjang Hari Mengundi Awal dan Hari Mengundi	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Sepanjang Hari Mengundi Awal dan Hari Mengundi	Pergerakan	Bersyarat

Merangkumi

- Semua aktiviti semasa hari mengundi awal / hari mengundi

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Aktiviti yang dilarang seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Kawalan kehadiran pengundi	• Ejen parti/calon yang telah selesai bertugas atau pengundi yang telah selesai mengundi perlu **segera meninggalkan pusat mengundi.** • Hanya **lima (5) orang pemerhati pilihan raya DIBENARKAN** berada di dalam satu-satu pusat mengundi pada satu-satu masa. • Hanya **dua (2) orang pemerhati pilihan raya DIBENARKAN** berada di dalam satu-satu tempat mengundi (saluran) pada satu-satu masa. • **Cadangan masa yang digalakkan bagi setiap pengundi untuk keluar mengundi** dinyatakan apabila pengundi membuat semakan maklumat pengundian melalui aplikasi mySPR Semak atau di portal Semakan Daftar Pemilih SPR. Ini bagi mengawal jumlah pengundi yang datang ke pusat mengundi dalam satu-satu masa dari **8.00 pagi – 6.00 petang**: i. **8.00 pagi – 10.00 pagi** ii. **10.00 pagi – 12.00 tengah hari** iii. **12.00 tengah hari – 2.00 petang** iv. **2.00 petang – 4.00 petang** v. **4.00 petang – 6.00 petang**

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - HARI MENGUNDI AWAL / HARI MENGUNDI

Merangkumi

- Semua aktiviti semasa hari mengundi awal / hari mengundi

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Aktiviti yang dilarang seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat Kuasa	Sepanjang Hari Mengundi Awal dan Hari Mengundi	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Sepanjang Hari Mengundi Awal dan Hari Mengundi	Pergerakan	Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Imbas QR kod dan saringan gejala	• Semua individu yang hadir **perlu mengimbas QR kod MySejahtera dan melalui saringan gejala.** • Individu yang mempunyai **gejala seperti demam, batuk, sakit tekak atau susah bernafas perlu diasing dan ditempatkan di tempat khas (khemah/bilik/ruang khas untuk memangkah)** untuk tindakan lanjut.
Penggunaan *hand sanitizer* oleh pengundi	• Semua pengundi yang hadir untuk mengundi perlu menggunakan *hand sanitizer* di tempat-tempat berikut: **i. Di khemah saringan pusat mengundi;** **ii. Di pintu masuk saluran;** **iii. Selepas jari telunjuk kiri pengundi dicelup dalam dakwat kekal, iaitu sebelum pengundi menerima kertas undi; dan** **iv. Di pintu keluar pusat mengundi**
Penggunaan kerusi roda	• Petugas pilihan raya hendaklah memastikan **penjarakan fizikal** dikekalkan sewaktu mengendalikan pengundi yang menggunakan kerusi roda. • Kerusi roda hendaklah **disanitasi setiap kali selepas digunakan**.

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA -
HARI MENGUNDI AWAL / HARI MENGUNDI

Merangkumi

- Semua aktiviti semasa hari mengundi awal / hari mengundi

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Aktiviti yang dilarang seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat Kuasa	Sepanjang Hari Mengundi Awal dan Hari Mengundi	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Sepanjang Hari Mengundi Awal dan Hari Mengundi	Pergerakan	Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Pengundi yang bergejala	• Pengundi yang bergejala seperti demam**, batuk, sakit tekak atau sukar bernafas** hendaklah diasingkan serta-merta daripada pengundi yang lain dan mengundi di **tempat khas (khemah/bilik/ruang khas untuk memangkah).** • Pengundi **WAJIB** memakai pelitup muka berganda. • Dakwat ditandakan di jari telunjuk kiri pengundi menggunakan **berus** yang dipakai buang bagi setiap pengundi bergejala. • Pengundi diberi sarung tangan pakai buang (getah) untuk dipakai **sebelum memegang kertas undi** dan ke petak mengundi di dalam **khemah/bilik/ruang khas** untuk memangkah undi. • Petugas yang terlibat mengendalikan individu bergejala hendaklah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan serta **memakai PPE (pelitup muka, apron, pelindung muka dan sarung tangan)** sepanjang mengendalikan individu berkenaan. • Petugas perlu membuat sanitasi tangan sekerap mungkin (sambil memakai sarung tangan) setiap kali berurusan pengundi bergejala. • Pembersihan dan **sanitasi petak mengundi** perlu dilakukan setiap kali pengundi yang bergejala selesai menanda kertas undi masing-masing. • Selepas selesai mengundi, pengundi bergejala akan diuruskan oleh Pegawai KKM yang bertugas untuk tindakan lanjut termasuk membuat ujian kendiri RTK Antigen (saliva). • **Khemah/bilik/ruang khas** hendaklah **dilakukan disinfeksi** berdasarkan garis panduan KKM **sebaik sahaja selepas setiap pengundi bergejala selesai mengundi.**

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - HARI MENGUNDI AWAL / HARI MENGUNDI

Merangkumi

- Semua aktiviti semasa hari mengundi awal / hari mengundi

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Aktiviti yang dilarang seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat Kuasa	Sepanjang Hari Mengundi Awal dan Hari Mengundi	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Sepanjang Hari Mengundi Awal dan Hari Mengundi	Pergerakan	Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Pengundi positif COVID-19 semasa hari mengundi DAN Pengundi berstatus *patient under investigation* **(PUI)** dan *person under surveillance* **(PUS)**	• Bagi **pengundi yang berstatus COVID-19 positif**, mereka adalah **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari tempat mereka sedang menerima rawatan (hospital/pusat rawatan/pusat kuarantin/rumah dll.) untuk mengundi kerana masih dalam rawatan dan sememangnya masih berjangkit dan boleh menyebabkan penularan jangkitan kepada orang lain selagi mana masih dalam rawatan. • Pengundi berstatus *patient under investigation* **(PUI)** dan *person under surveillance* **(PUS)** yang ingin mengundi **HENDAKLAH MEMOHON KEBENARAN** dari **Pegawai Kesihatan Daerah (PKD), Pejabat Kesihatan Daerah** yang mengawasi Arahan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian berkenaan, untuk keluar sementara ke Pusat Mengundi. Kebenaran ini adalah tertakluk kepada penilaian risiko jangkitan oleh Pegawai Kesihatan Daerah tersebut dan pengundi perlu mematuhi semua garis panduan yang ditetapkan oleh KKM. • Pengundi yang berstatus PUI dan PUS hendaklah diasing dan **DITEMPATKAN DI KHEMAH/BILIK/ RUANG KHAS yang disediakan.** • PUI dan PUS **DIKEHENDAKI menggunakan pengangkutan sendiri** untuk pergi ke Pusat Mengundi. Penggunaan **pengangkutan awam TIDAK DIBENARKAN.** • Kebenaran keluar mengundi untuk individu yang berstatus PUI dan PUS adalah tertakluk kepada tempoh yang dibenarkan oleh pihak KKM. Setelah selesai mengundi, individu ini dikehendaki segera meninggalkan Pusat Mengundi dan terus pulang ke tempat kuarantin dijalankan. • **Khemah/bilik/ruang khas** hendaklah **dilakukan disinfeksi** berdasarkan garis panduan KKM **sebaik sahaja selepas setiap pengundi positif COVID-19, PUI dan PUS selesai mengundi.**

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - HARI MENGUNDI AWAL / HARI MENGUNDI

Merangkumi

- Semua aktiviti semasa hari mengundi awal / hari mengundi

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Aktiviti yang dilarang seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat Kuasa	Sepanjang Hari Mengundi Awal dan Hari Mengundi	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Sepanjang Hari Mengundi Awal dan Hari Mengundi	Pergerakan	Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Pengundi yang berada di luar sempadan daerah/ negeri semasa hari mengundi	• Pengundi di **lokaliti PKPD perlu menjalani ujian RTK Ag dalam masa 24 jam sebelum tarikh mengundi. Hanya pengundi yang didapati negatif COVID-19 dan mendapat kebenaran daripada pihak PDRM dibenarkan** untuk keluar mengundi. Pengundi hendaklah mengemukakan dokumen berkaitan seperti maklumat pemilih dari aplikasi MySPR Semak atau semakan dari portal SPR kepada pihak PDRM untuk mendapat kebenaran keluar mengundi.
Penandaan dakwat pilihan raya	• Jari telunjuk kiri pengundi **dicelup dalam dakwat kekal** dan kemudian dilakukan sanitasi tangan sebelum pengundi menerima kertas undi.
Kawalan media	• **Sesi sidang media/temuramah** di pusat-pusat mengundi akan ditetapkan oleh SPR bagi memastikan pematuhan penjarakan fizikal. • **Temu bual secara spontan (terjah)** atau di **luar masa** yang ditetapkan adalah **TIDAK DIBENARKAN**. • Hanya wartawan yang **telah lengkap menerima vaksin dibenarkan hadir** ke sesi sidang media / temuramah dengan **pematuhan SOP** termasuk **penjarakan fizikal**. • Wartawan yang bergejala atau positif COVID-19 atau kontak rapat kepada kes positif **TIDAK DIBENARKAN** hadir ke sesi sidang media / temuramah.

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA - PENJUMLAHAN RASMI UNDI

Waktu Berkuat Kuasa	**Sepanjang hari penjumlahan rasmi undi**	**Waktu Aktiviti Dibenarkan**	**Bermula pada hari mengundi sehingga selesai penjumlahan rasmi undi**	**Pergerakan**	**Bersyarat**

• Merangkumi

- Semua aktiviti semasa penjumlahan rasmi undi dan pengumuman keputusan pilihan raya

• Aktiviti Tidak Dibenarkan

- **Perhimpunan atau perarakan** oleh mana-mana pihak di mana-mana lokasi sebelum, semasa dan selepas penjumlahan rasmi undi dan pengumuman keputusan pilihan raya termasuk penyokong-penyokong parti politik

• Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 239/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 {Akta 342].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PDRM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Arahan, akta, peraturan dan SOP di bawah SPR.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Kawalan kehadiran	• Bilangan laluan masuk ke PPRU perlu dihadkan bagi tujuan kawalan (laluan media, laluan calon dan laluan Ahli/ pegawai SPR/ petugas pilihan raya/ pemerhati pilihan raya). • Hanya **lima (5) orang pemerhati pilihan raya DIBENARKAN** untuk berada di dalam Dewan PPRU pada satu-satu masa. • Khemah di luar dewan (untuk petugas pilihan raya) disediakan dengan jumlah kapasiti minimum di dalam setiap khemah dan mengekalkan penjarakan fizikal. • Hanya **5 orang penyokong bagi calon yang menang** dan **3 orang penyokong calon lain yang bertanding dibenarkan hadir ke PPRU**. Kebenaran untuk masuk ke PPRU akan dimaklumkan dan pas masuk diedarkan oleh Pegawai Pengurus sebelum pengumuman keputusan pilihan raya dibuat. • Sebarang acara **sambutan atau majlis keraian kemenangan calon** adalah **TIDAK DIBENARKAN.**
Ketua Tempat Mengundi (KTM) yang bergejala	• Bagi penghantaran peti undi di PPRU, KTM yang didapati bergejala ketika saringan perlu **diasing dan ditempatkan** di **khemah/bilik/ruang khas** dengan serta-merta. • Petugas pilihan raya perlu ditempatkan di **khemah/bilik/ruang khas** bagi urusan penerimaan peti undi dan dokumen pilihan raya manakala kakitangan dari KKM perlu ditempatkan bagi tujuan khidmat bantuan perubatan dan kawalan infeksi untuk kes individu bergejala. • Petugas yang terlibat mengendalikan individu bergejala hendaklah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan serta **memakai PPE (pelitup muka, apron, pelindung muka dan sarung tangan)** sepanjang mengendalikan individu berkenaan. • Petugas pilihan raya **mengambil gambar dokumen pilihan raya** dan kemudiannya dihantar kepada petugas di dalam dewan PPRU untuk tindakan seterusnya. • Selepas selesai urusan penjumlahan rasmi undi, individu bergejala tersebut diuruskan oleh pegawai KKM bertugas untuk tindakan lanjut.